

## **Soalan Lazim Berkaitan Kewangan Pelajar UTM Bagi Semester II, 2019/2020**

### ***Frequently Asked Questions Regarding Student Financial For Semester II, 2019/2020***

#### **YURAN PENGAJIAN / TUITION FEE**

**1. Adakah UTM akan memberikan pengurangan/diskaun yuran memandangkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) Semester II 2019/2020 telah mula dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian berikutan pandemik COVID-19?**

Tidak, disebabkan kadar yuran pengajian sekarang hanya menampung 10% daripada jumlah kos sebenar yang perlu ditanggung oleh Universiti.

Universiti amat komited dalam menyesuaikan perubahan aktiviti PdP secara dalam talian bagi memastikan infrastruktur pengajaran dan perkhidmatan universiti kepada pelajar berjalan seperti biasa, walaupun berbeza dengan kaedah PdP secara bersemuka.

***1. Will UTM provide a reduction / discount for tuition fee as the learning and teaching activities (L&T) of Semester II 2019/2020 have started and are fully implemented online following the COVID-19 pandemic?***

*No, due to the fact that the current tuition fees only contribute 10% to the actual cost that the University has to bear.*

*The University is committed to adapting changes to L&T activities through online platform by ensuring that the teaching infrastructure and university services for students run as normal, even though they are different from L&T methods of face-to-face.*

**2. Saya adalah pelajar semester akhir yang diberikan semester tambahan seperti mana Pekeliling Akademik Bil. 03/2020: Penambahan Satu Semester Tangguh Pengajian Bagi Pelajar Doktor Falsafah, Sarjana Penyelidikan Yang Berada Pada Semester Maksimum Serta Pelajar Berstatus Peperiksaan Berikut Pandemik Covid-19. Adakah semester tambahan tersebut akan dikenakan yuran sekiranya saya menghantar tesis /pembetulan tesis dalam tempoh semester 1, sesi 2020/2021?**

Tiada yuran pengajian akan dikenakan bagi semester tambahan (semester 1, sesi 2020/2021) yang diambil. Namun, yuran semester 2, 2019/2020 perlu dijelaskan seperti biasa.

**2. I am a final semester student given an additional semester as per Academic Circular No. 03/2020: Additional One Semester Deferment for Final-Semester Students of PhD, Master by Research and Students with Examination Status Due to Covid-19 Pandemic. Will the additional semester be charged if I submit the thesis / thesis correction during semester 1, session 2020/2021?**

No tuition fee will be charged for the additional semester given (semester 1, session 2020/2021). Nevertheless, tuition fees for semester 2, 2019/2020 need to be paid as usual.

**3. Aktiviti PdP Semester II 2019/2020 telah mula dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Saya tidak dapat mengikuti kursus saya dengan baik dan keputusan bagi kursus berkaitan diberikan status kedudukan Tidak Selesai (TS). Saya diminta menyelesaikan dalam tempoh Semester III, 2019/2020 (semester pendek). Adakah yuran Semester III, 2019/2020 (semester pendek) akan dikenakan?**

Terdapat tiga senario bagi pelajar yang diberikan markah dengan status kedudukan Tidak Selesai (TS) pada semester 2, 2019/2020.

**Senario 1:** Kursus tertentu yang memerlukan kehadiran secara fizikal seperti Makmal, Studio, Kerja Lapangan, Latihan Industri atau Projek Penyelidikan

**Senario 2:** Pelajar tidak berjaya menyelesaikan kursus tersebut dalam tempoh asal yang diberikan samada melibatkan satu atau lebih kursus, dan perlu melangkaui sehingga masa semester pendek sesi 2019/2020 untuk melengkapkan semester pengajian

**Senario 3:** Pelajar yang masih tidak berjaya melengkapkan sesi pengajian dalam tempoh asal dan telah melangkaui masa semester pendek 2019/2020. Pelajar perlu menyelesaikan kursus tersebut di semester berikutnya.

Tiada yuran akan dikenakan bagi tiga senario di atas kerana tiada pendaftaran kursus di semester pendek atau semester berikutnya, perlu dibuat oleh pelajar bagi kursus yang berstatus Tidak Selesai (TS).

Contohnya:

- a. Ali belajar 2 kursus yang telah diberikan markah Tidak Selesai (TS) di Sem II, 2019/2020
  - Tiada yuran akan dikenakan ke atas Ali kerana tiada pendaftaran kursus dilakukan di Semester III, 2019/2020 untuk 2 kursus tersebut.
  
- b. Ahmad belajar 5 kursus di mana 2 kursus adalah berstatus Tidak Selesai (TS) dan 3 kursus adalah kursus baharu. Ahmad telah mendaftar 3 kursus baharu di Sem III, 2019/2020.
  - Yuran Sem III akan dikenakan ke atas Ahmad bagi 3 kursus baharu yang didaftarkan. Tiada yuran bagi 2 kursus yang berstatus Tidak Selesai (TS) kerana tiada pendaftaran kursus perlu dilakukan.

**3. The activities of L&T Semester II 2019/2020 have started and are fully implemented online. I was unable to attend my course very well and the result for the course was given Incomplete (TS) status. I have been asked to complete it during Semester III, 2019/2020 (short semester). Will Semester III, 2019/2020 (short semester) fees be charged?**

There are three scenarios for students to be awarded Incomplete (TS) status in the Semester II, 2019/2020.

**Scenario 1:** Certain courses that require physical presence such as Labs, Studios, Fieldwork, Industrial Training or Research Projects.

**Scenario 2:** Students are unable to complete the course within the given period of time, whether it involves one or more courses, and must extend up to the short semester of the 2019/2020 session to complete the study semester.

**Scenario 3:** Students who are still unable to complete their studies in the original period and have passed the short semester of 2019/2020. Students will need to complete the course next semester.

No short semester fees will be charged for the above three scenarios as there is no course registration in the short semester or the following semester, required from students for courses that were given Incomplete status (TS).

For example:

a. Ali is registered in 2 courses that have been awarded Incomplete (TS) status in Sem. II, 2019/2020

- No fees will be charged on Ali as no course registration is conducted in semester III, 2019/2020 for these two courses.

b. Ahmad is registered in 5 courses in which 2 courses were under Incomplete (TS) status and 3 were new courses. Ahmad has registered 3 new courses in Sem. III, 2019/2020.

- Sem. III fees will be imposed on Ahmad for 3 new courses registered. There are no fees for 2 courses that were given Incomplete (TS) status because no course registration is required.

**4. Jika saya ingin mendaftar satu atau lebih kursus di Semester III, 2019/2020 yang tidak melibatkan kursus yang diberikan markah Tidak Selesai (TS), adakah saya akan dikenakan yuran semester pendek?**

Yuran semester pendek akan dikenakan bagi pelajar yang membuat pendaftaran kursus di semester tersebut.

**4. If I wish to register one or more courses in Semester III, 2019/2020 that do not involve courses that are under Incomplete (TS) status, will I be charged a short semester fee?**

*Short semester fees will be charged to students who register for courses offered during that short semester (Semester III, 2019/2020).*

**5. Saya ingin menarik diri dari pengajian. Adakah saya akan mendapat semula yuran pengajian saya yang telah dibayar?**

Terdapat syarat yang dikenakan. Mohon rujuk Peraturan Kewangan Pelajar yang boleh diakses di portal MyUTM (My Profile > Student Info > Financial > Info tab).

**5. I want to withdraw from the University. Will I get back my tuition fees?**

*There are conditions apply. Please refer to the Student Financial Regulations that is accessible on the MyUTM portal (My Profile> Student Info> Financial> Info tab).*

**6. Adakah terdapat sebarang pindaan dalam tempoh menjelaskan yuran Semester 2, 2019/2020?**

*Pelajar digalakkan menjelaskan yuran sebelum minggu pra-pendaftaran kursus (prasiswa Zah) atau sebelum minggu pendaftaran asrama sesi akademik baharu atau sebelum tamat semester untuk mengelakkan sebarang sekatan yang dikenakan Universiti.*

**6. Are there any changes on due date of payment for Semester 2, 2019/2020?**

*Students are encouraged to pay fees before course pre-registration week begins (undergraduate) or the week before the online hostel application of new academic session begin or before the end of the semester, to avoid any restrictions imposed by the University.*

**TANGGUH PENGAJIAN / DEFERMENT**

**7. Saya berhasrat untuk menangguhkan pengajian di semester ini kerana pandemik COVID-19. Adakah Universiti memberi pengurangan yuran jika saya berbuat demikian?**

Jika pelajar menangguh pengajian atas alasan Covid-19 pada semester 2, 2019/2020, Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti bertarikh 08 April 2020, telah meluluskan pengurangan yuran sebanyak 50% yuran pelajaran. Tiada pengurangan bagi yuran perkhidmatan.

Kelulusan ini tidak terpakai untuk pelajar di bawah Fakulti Space atau UTMSpace.

**7. I would like to defer my studies this semester because of COVID-19 pandemic. Will the University give any reduction on tuition fees if I do so?**

*If students defer their studies on the grounds of Covid-19 for semester 2, 2019/2020, the University through its University Management Committee Meeting dated April 08, 2020, has approved a 50% reduction in study fees. However, there is no reduction in service fees.*

*This approval does not apply to students under the Faculty of Space or UTMSpace.*

Disediakan oleh/ *Prepared by:*

Seksyen Kewangan Pelajar/*Student Financial Section*

Jabatan Bendahari/*Office of The Bursar, UTM*

Kemaskini: 16 Disember 2020